



کمنتريڻ سومبرۂ اوتام دان قانچوڻ

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT-PINGAT KEHORMATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Jun 2022 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2018 hingga 2021 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Penyampaian Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Daripada 118 penerima, seramai 35 orang pegawai dan kakitangan serta 14 orang pengusaha di bawah Sektor Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB), manakala seramai 69 orang pegawai dan kakitangan menerima Pingat Kerja Lama (PKL).

Penerima-penerima pingat tersebut termasuk 18 penerima dari KSSUP, 55 dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, 9 dari Jabatan Perikanan, 15 dari Jabatan Perhutanan, 7 dari Jabatan Kemajuan Pelancongan dan 14 pengusaha.

Pengurniaan pingat berkenaan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada warga KSSUP atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan dan ianya juga sebagai penyuntik semangat kepada warga kementerian untuk meningkatkan lagi prestasi kerja serta terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang.

Turut hadir di Majlis tersebut ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah, Pegawai dan kakitangan KSSUP. **/TAMAT**

Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan
11 Jun 2022